

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 7 Mac 2017**

**SOALAN**

Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [ Rasah ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYRAKAT menyatakan apakah Kementerian akan menukar syarat bagi membantu ibu-ibu tunggal penerima bantuan JKM sekiranya anak bekerja tidak mampu atau tidak mahu membantu ibu bapa mereka.

## **JAWAPAN**

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha membantu kumpulan sasar yang memerlukan termasuklah golongan ibu tunggal bagi meneruskan kelangsungan hidup melalui pemberian bantuan dan intervensi lain yang diperlukan. Bantuan kebajikan diberikan kepada mereka adalah mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan dengan mengambilkira Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sekiranya anak bekerja tidak mampu atau tidak mahu membantu ibu bapa mereka, KPWKM berusaha membantu golongan ibu tunggal agar berdikari melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan melalui pendekatan productive welfare dengan pemberian Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar RM2700 sekaligus. Seramai 572 ibu tunggal menerima BGP bagi tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM1.99 juta. Ibu tunggal juga dibantu agar terlibat dalam program-program pembangunan kapasiti wanita melalui Program I-KIT dan I-KeuNita. Kedua-dua program tersebut menggunakan konsep inkubator atau hand holding (latih dan bimbing) di mana ibu tunggal dan wanita akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Program I-KIT dan I-KeuNita adalah merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Sehingga Disember 2016, seramai 219 orang peserta yang telah berjaya sebagai usahawan/ memulakan perniagaan. Program I-KIT dan I-KeuNita dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA). Keutamaan bagi menyertai program I-KIT dan I-KeuNita adalah kepada ibu tunggal dan wanita yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di dalam sistem e-Kasih serta penerima bantuan kebajikan JKM. Ibu-ibu tunggal berpendapatan rendah boleh memohon untuk menyertai program I-KIT melalui 13 Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri bagi negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Ibu tunggal di Sabah boleh mengemukakan permohonan menerusi JHEWA manakala ibu tunggal di Sarawak melalui BWS.

